

Pendapatan nelayan merosot sehingga 30 peratus sebab sampah di laut

4M 23/8/2022

ms : 31

KANGAR: Pendapatan nelayan di negeri ini merosot 20 hingga 30 peratus akibat kurangnya tangkapan hasil laut disebabkan masalah sampah di laut yang tidak dibersihkan sejak dua tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, sampah-sarap tersebut tidak dibersihkan selama dua tahun semasa pandemik Covid-19 sebelum ini.

Katanya, sampah-sarap yang terdampar di kawasan pesisir pantai boleh merosakkan ekosistem marin.

“Sampah tersebut boleh mengganggu pertumbuhan plankton yang menjadi sumber makanan hidupan marin seperti ikan, udang dan ketam sekali gus menjelaskan sumber makanan di negara ini jika tidak dikawal.

“Untuk pengetahuan semua, pendapatan nelayan di Perlis me-

rosot 20 hingga 30 peratus akibat kurangnya tangkapan hasil laut sejak dua tahun ini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan program konservasi marin ‘Save Our Sea’ di sini semalam.

Pada majlis itu juga, hampir 400 kilogram sampah dikutip di kawasan pesisir pantai sepanjang satu kilometer di Dataran Kurong Tengar, Kuala Perlis di sini hanya dalam tempoh tidak sampai dua jam.

Sebelum ini, tular satu klip video yang dimuat naik oleh seorang pempengaruh dari luar negara yang memaparkan keadaan sampah tidak terurus di sekitar kawasan tebing persisiran laut di kampung itu.

Tambah Nurulhisham, seramai 150 peserta termasuk 80 komuniti nelayan setempat serta wakil jabatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pahlawan Sampah Perlis menyertai aktiviti kuti-

pan sampah pesisir laut anjuran Jabatan Perikanan negeri itu.

Katanya, kebanyakan sampah yang dikutip adalah bungkusan plastik makanan dipercayai dibuang oleh pelancong dan orang tempatan.

“Sekiranya tidak boleh menjaga kebersihan, tidak perlu untuk datang ke pesisir pantai di Perlis kerana kesannya besar kepada alam sekitar, ekonomi dan sumber makanan kita,” ujarnya.